



**NOTA PERCAKAPAN  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL  
EHWAL PENGGUNA**

**PROGRAM ZIARAH KASIH RAMADAN 1443H TAHUN 2022**

Assalamualaikum dan Salam Keluarga Malaysia;

YBrs. Puan Syaripah Nur Zalilie Binti Syed Kamarzaman,  
Timbalan Setiausaha Bahagian;  
Sektor Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti;  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

YBhg. Datin Roszanina binti Wahab  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna)  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

YBhg. Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz  
Ketua Pegawai Eksekutif SSM,

YBrs. Tuan Iskandar bin Ismail  
Ketua Pegawai Eksekutif MyCC,

YBrs. Tuan Abdul Haris bin Haji Lakar  
Ketua Pengarah MyIPO,

YBrs. Encik Aznan bin Hj. Hassan,  
Timbalan Setiausaha (Pengurusan)  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

YBrs. Encik Muhamad Zikril Azan bin Abdullah  
Pengarah KPDNHEP Selangor,

Wakil-wakil agensi rakan strategik terutamanya KKM, MOT,  
PRASARANA etc  
Pengarah-pengarah serta pegawai kanan KPDNHEP

YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya kerana sudi menerima kehadiran KPDNHEP untuk menganjurkan Program Ziarah Kasih Ramadan 1443H Tahun 2022 di bawah agenda Program Outreach Sara Hidup Kepenggunaan bersama Isi Rumah B40 ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih khasnya kepada Kementerian Pengangkutan (MOT) bersama-sama agensinya iaitu PRASARANA, KTMB dan MIROS. Terima kasih juga kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA) dan TNB serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Protect Health. Turut menyumbang keringat dan kerjasama tak berbelah bagi adalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang membantu KPDNHEP dari awal lagi dalam menjayakan program ini.

3. Tidak lupa juga saya ucapkan seribu penghargaan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia kerana telah menjadi penyumbang utama Program ini.
4. Seterusnya saya mengucapkan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke program ini.

Hadirin yang saya kasihi,

5. Bersempena bulan Ramdhan Al-Mubarak 1443H, NACCOL berhasrat **untuk menyantuni penduduk dari kumpulan berpendapatan rendah B40 khususnya** yang menetap di Lembah Klang **melalui penganjuran Program Ziarah Kasih Ramadhan 1443H Tahun 2022**. Program ini juga adalah sebagai tanda keprihatinan KPDNHEP serta semua agensi kerajaan terhadap penduduk serta isi rumah yang terkesan dari segi ekonomi apabila pandemik COVID-19 melanda. Menjadi harapan Kerajaan dengan pembukaan semula ekonomi adalah diharapkan kita semua bersama-sama mengembleng tenaga untuk memulihkan ekonomi negara dengan memainkan peranan kita.
6. Untuk makluman, **Program Ziarah Kasih Ramadhan 1443H Tahun 2022** adalah sebahagian daripada **Program Outreach Sara Hidup Kepenggunaan bersama Isi Rumah Berpendapatan Rendah** anjuran **KPDNHEP dengan kerjasama beberapa Kementerian yang berperanan sebagai Kluster di bawah NACCOL**. Ia merupakan satu usaha dan strategi NACCOL untuk **mendekati isi rumah dari kumpulan berpendapatan rendah terutamanya B40**

ini dan seterusnya dapat **membantu NACCOL untuk mengenalpasti isu-isu berkaitan kos sara hidup rakyat.**

7. Pada program hari ini, saya dimaklumkan bahawa tuan/puan telah ditaklimatkan mengenai aplikasi *Price Catcher* yang merupakan satu aplikasi untuk menyemak senarai harga barang di kedai runcit, pasaraya serta pasaraya besar di dalam kawasan berhampiran tuan/puan. Melalui aplikasi tersebut, tuan/puan boleh membuat semakan senarai harga terendah yang ditawarkan di premis tersebut sebelum membuat pilihan yang tepat untuk berbelanja.
8. Selain itu, rakan strategik kami yang terlibat dengan program hari ini juga hadir untuk memberi maklumat inisiatif dan program yang ditawarkan di bawah mereka dalam membantu kumpulan berpendapatan rendah.
9. KPDNHEP dengan telah mengenalpasti 200 orang asnaf untuk menerima sumbangan Hari Raya. Sumbangan ini akan disalurkan melalui aplikasi e-wallet oleh penyedia perkhidmatan terpilih. Sumbangan ini kelak diharap dapat dibelanjakan untuk membeli barangan keperluan Hari Raya.
10. KPDNHEP juga melalui Yayasan Foodbank KPDNHEP berbesar hati untuk menyerahkan sumbangan barang keperluan Kotak Kasih kepada 100 penerima yang telah dikenalpasti dan menyerahkan sumbangan kepada Gerobok Rezeki yang berupa barang keperluan yang akan diletakkan di Surau Al Muhajirin PPRT Lembah Subang 2 untuk kegunaan semua penduduk di PPRT Lembah Subang 2 ini.

11. Bagi memastikan jalinan kasih ini tidak berhenti setakat hari ini, KPDNHEP juga melancarkan Program Paparan Harga Price Catcher. Melalui bantuan KPKT, penduduk akan disalurkan maklumat secara format PDF bagi 8 barang keperluan terpilih. Paparan harga ini adalah sebagai usaha Kementerian untuk menarik minat penduduk di sini yang akhirnya akan memuat turun aplikasi Price Catcher itu sendiri. Paparan harga ini akan dikongsikan sebanyak 3 kali seminggu dan diharap ia akan memberi manfaat.
12. Saya dengan ini berharap jalinan Kerjasama Bersama semua agensi yang terjalin hari ini dan hubungan kasih antara KPDNHEP dan penduduk di PPRT Lembah Subang 2 ini akan sentiasa terjalin dengan baik.
13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan **Program Ziarah Kasih Ramadhan 1443H Tahun 2022.**

Sekian, terima kasih.